

30/10/1997

Clinton tersedak Wall Street jatuh

KEJATUHAN 554.26 mata atau 7.2 peratus Indeks Perusahaan Dow Jones kepada 7,161.15 mata Isnin lalu adalah peratus penurunan terbesar sehari selepas kejatuhan lapan peratus sedekad lalu. Paras kejatuhan paling teruk di Bursa Saham New York itu - sejak 'Black Monday' pada 19 Oktober 1987 - adalah rentetan daripada krisis pasaran kewangan dan saham Asia Tenggara sejak beberapa bulan, bermula dengan Thailand pada Jun lalu. Anehnya, ketika krisis menampakkan kemungkinan untuk merebak, berikutan sebuah demi sebuah negara di Asia Tenggara mengalaminya, hingga memaksa Thailand, Filipina dan Indonesia mengapungkan mata wang masing-masing, Amerika hanya memandang remeh permasalahan itu. Malah, ketika Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) mencadangkan pakej bantuan kewangan berjumlah AS\$17.2 bilion (RM58.1 bilion) bagi menyelamatkan ekonomi Thailand berikutan krisis pasaran kewangan terburuk dalam sejarah negara itu, Amerika enggan komited sebagai penyumbang tunai kepada pakej itu.

Keengganan Amerika membantu negara Asia itu terbukti lagi ketika keruntuhan Bursa Saham Hong Kong (BSHK) minggu lalu. Pada saat Indeks Hang Seng menjunam 1,211.47 mata atau 10.4 peratus kepada 10,426.30 mata Khamis lalu, kejatuhan terbesar sehari sejak 14 tahun lalu, didorong oleh jualan panik pelabur ketika kerajaan negara itu berusaha melindungi dolar Hong Kong daripada serangan spekulatif, tiada kenyataan atau komitmen daripada pentadbiran Amerika mengenai usaha untuk mengatasi krisis itu. Meskipun menyedari kejatuhan besar di BSHK, satu daripada bursa utama Asia, akan meninggalkan kesan kepada pasaran saham global seperti yang berlaku penghujung minggu lalu apabila hampir semua bursa saham dunia termasuk Tokyo, Eropah dan BSNY terjejas berikutan kejatuhan di Hong Kong, Amerika masih memandang enteng kemungkinan impak krisis kewangan Asia turut merebak ke negara mereka.

Bagaimanapun, berikutan kejatuhan teruk di BSNY kelmarin, barulah pentadbiran Amerika termasuk Presiden Bill Clinton, mengarahkan pakar ekonomi mencari sebab kejatuhan itu, dengan alasan asas ekonomi negara mereka masih kukuh. Daripada Clinton dan Setiausaha Perbendaharaan, Robert Rubin hinggalah kepada Pengerusi Rizab Persekutuan, Alan Greenspan serta Pengerusi BSNY, Richard Grasso mengemukakan pelbagai pandangan dalam usaha meyakinkan pelabur agar tidak panik dengan kejatuhan itu, yang dikatakan bursa terbesar dan mempunyai sistem kawalan kejatuhan harga terancang di dunia. Pegawai lain di pentadbiran Clinton juga mencadangkan supaya negara itu memberikan sumbangan lebih bermakna dalam usaha menyelamatkan ekonomi Asia, sekali gus mengembalikan keyakinan pelabur di rantau berkenaan.

Sama ada diakui atau tidak oleh pentadbiran Clinton, kejatuhan teruk di BSNY kelmarin berpaksi kepada kebimbangan pelabur terhadap arah aliran penjualan berterusan di bursa-bursa saham Asia, sejak tercetus krisis di pasaran kewangan negara terbabit, beberapa bulan lalu. Ada juga pendapat yang menyatakan kejatuhan di BSNY sesuatu yang perlu berikutan peningkatan berterusan harga saham di bursa terbabit sejak setahun dua ini, yang menyebabkan banyak harga saham dikatakan terlebih nilai dan jika dibiarkan, akan membahayakan ekonomi Amerika dalam jangka panjang.

Ini kerana peningkatan harga saham dan pengukuhan berterusan dolar Amerika akan menjurus kepada pertambahan dalam pendapatan, harga serta kos. Ini menyebabkan barangan yang dihasilkan Amerika menjadi mahal dan sukar bersaing di pasaran antarabangsa berbanding keluaran negara Asia yang semakin kompetitif akibat kemerosotan nilai mata wang masing-masing.

Sesungguhnya, kejatuhan teruk di Wall Street kelmarin pasti mendorong pegawai pentadbiran Clinton mula memikirkan semula strategi bagi menangani krisis kewangan di Asia, yang kini mula meninggalkan kesan kepada ekonomi Amerika. Kejatuhan di Wall Street itu seharusnya menyedarkan pentadbiran Clinton bahawa sebarang masalah serius ekonomi yang melanda Asia boleh merebak dan menjejaskan bursa saham lain, termasuk di Amerika sendiri. Namun, semua keputusan yang bakal diambil kini adalah dalam senario berbeza iaitu menghentikan pusingan penjualan berleluasa yang bermula di Asia dan kini merebak ke bursa saham global. Tidak dapat dipastikan sama ada masalah sekarang boleh ditangani secara mudah berbanding jika ia dilaksanakan ketika krisis itu (pasaran kewangan) mula berlaku di Asia Tenggara. Kejatuhan di BSNY itu juga seharusnya menyedarkan ramai pihak mengenai kebenaran apa yang diperkatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini mengenai spekulasi dan manipulasi di pasaran mata wang dan saham.

(END)